



ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

KEPUNGAN UNGGAS

No Dokumentasi : APTVM (19b(2):2009)

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

KEPUNGAN UNGGAS

No Dokumentasi : APTVM (19b(2):2009)

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN**Muka Surat**

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia		
1.0	Pengenalan	1
2.0	Skop	1
3.0	Definisi	2
4.0	Kata Singkatan	5
5.0	Kelayakan Memohon	5
6.0	Tanggungjawab Veterinawan Bertauliah	5
	6.1 Pemeriksaan Veterinar	5
	6.2 Survelan dan Pensampelan	6
	6.3 Pempaksinan	6
	6.4 Pemeriksaan Post-Mortem	7
	6.5 Profil Kelompok	7
	6.6 Pemindahan Ternakan Unggas	7
	6.7 Rekod	8
7.0	Prosedur Pemohonan	9
8.0	Pendaftaran Kepungan	9
9.0	Tanggungjawab Bahagian Regulatori JPV Negeri	9
	9.1 Pemeriksaan keakuran dan pemeriksaan ulangan	9
	9.2 Pemeriksaan semula	10
	9.3 Rekod Veterinar	10
10.0	Pemeriksaan dan Laporan Kepungan	10
11.0	Pengiktirafan Kepungan	11
12.0	Pembatalan Kepungan	11
	Senarai Rujukan	12
	Carta Aliran Pembangunan Kepungan	13
	Lampiran 1. Borang Permohonan - SALT-K (U)	
	Lampiran 2. Senarai Semak Kepungan Unggas	
	Lampiran 3. Laporan Audit Keakuran dan Audit Ulangan	
	Lampiran 4. Log Pemeriksa Kepungan Unggas	
	Prosedur Penyediaan Arahan Prosedur Tetap Veterinar	
	Penghargaan	
	Jawatankuasa Penyediaan Arahan Prosedur Tetap Veterinar	

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Industri ternakan ayam, itik dan unggas lain sentiasa menghadapi risiko wabak penyakit. Kejadian penyakit seperti selesema burung yang berlaku pada tahun 2004, 2006 dan 2007 serta penyakit sampar masih terus menjadi ancaman industri ini. Demi mengurangkan risiko demikian, maka Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah memperkenalkan konsep kepongangan.

Kepongangan unggas merupakan suatu langkah pencegahan penyakit di kalangan populasi ternakan agar dapat diteruskan dagangannya bagi kepongangan bebas. Tindakan menghalang semua pergerakan ternakan ketika berlaku wabak telah menyebabkan kerugian besar kepada industri ternakan ayam. Sebaliknya melalui konsep kepongangan yang lebih menitikberatkan biosekuriti dan amalan penternakan yang baik, perkhidmatan kesihatan kelompok yang teratur dan aktiviti surveilan berkesan akan memastikan risikonya dikurangkan.

Maka dengan penerbitan APTVM Kepongangan Unggas ini, maka ingin diarahkan kepada semua anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan veterinawan bertauliah untuk mematuhi ketika membangunkan dan menguruskan kepongangan unggas. Saya juga ingin mengesyorkan agar semua ladang ayam yang telah mendaftar dan memenuhi kriteria SALT untuk mengguna pakai panduan yang ini agar dapat dinaik taraf menjadi kepongangan. Dengan pengenalan APTVM ini, maka diharapkan dapatlah dagangan ternakan dari kepongangan bebas diteruskan tanpa gangguan.



Dato' Dr Abd Aziz bin Jamaluddin

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA KEPUNGAN UNGGAS

1.0 PENGENALAN

Kejadian wabak penyakit boleh menyebabkan sekatan kepada pemindahan daging ayam, telur dan produk ayam ke negara lain. Ini telah dibuktikan semasa wabak Selsema Burung (2004, 2006 dan 2007) yang menyebabkan kerugian besar.

Konsep kepungan telah diperkenalkan oleh OIE untuk mengawal penyakit dan patogen dalam populasi ternakan tanpa mengganggu perdagangan. Penubuhan kepungan dijangka dapat melancarkan dagangan ternakan dan produknya. Kepungan menitikberatkan biosekuriti yang baik, amalan penternakan yang baik, program kesihatan gerompok yang teratur dan aktiviti surveilan penyakit.

Ternakan dan produk yang dihasilkan dalam kepungan yang diiktiraf bebas dari sebarang penyakit akan mempunyai daya saing yang lebih tinggi. Peluang pasaran diperingkat antarabangsa lebih luas dan proses pengeksporan menjadi lebih mudah. Tahap keselamatan makanan yang dihasilkan lebih terjamin dan kepentingan serta kesihatan pengguna dilindungi.

2.0 SKOP

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) untuk kepungan unggas akan menjelaskan syarat kelayakan penubuhan kepungan, peranan, prosedur dan pengurusan meliputi status, pensampelan, ujian, rekod, audit, pengesahan dan pembatalan kepungan.

3.0 DEFINISI

3.1 Establishmen

Tempat, kandang, reban, hatceri, loji pemprosesan, kilang, klinik, kedai, premis atau rumah di mana haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau tetap serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan.

3.2 Jawatankuasa Pengiktirafan Kepungan

Jawatankuasa rasmi jabatan yang bertanggungjawab kepada pengiktirafan kepongungan.

3.3 Kepungan

Satu atau lebih establishmen di bawah sistem pengurusan biosekuriti yang sama terdiri daripada populasi haiwan dengan status penyakit yang jelas, dimana telah dijalankan surveilan, kawalan dan pengurusan biosekuriti untuk tujuan pemindahan.

3.4 Ladang Unggas

Mana-mana tempat dimana peladangan unggas dijalankan dan termasuk mana-mana tempat untuk menyimpan unggas.

3.5 Pemeriksaan Dokumen

Pemeriksaan ke atas dokumen sokongan yang dijalankan oleh pegawai pemeriksa bagi memastikan protokol dan SOP kepongungan diaplikasi secara berkesan dan sempurna.

3.6 Pemeriksaan Keakuran

Pemeriksaan pertama meliputi pemeriksaan lapangan dan pemeriksaan dokumen yang dijalankan oleh pegawai pemeriksa bagi menilai samada syarat dan kriteria pembangunan kepongungan yang ditetapkan oleh JPV dipenuhi.

3.7 Pemeriksaan Lapangan

Pemeriksaan yang dijalankan di lapangan oleh pegawai pemeriksa bagi memastikan syarat dan kriteria pembangunan lapangan yang ditetapkan oleh JPV dipenuhi.

3.8 Pemeriksaan Semula

Meliputi pemeriksaan lapangan dan pemeriksaan dokumen sekurang - kurangnya sekali setahun setelah diiktiraf sebagai lapangan dan dijalankan oleh pegawai pemeriksa bagi memastikan semua syarat dan kriteria pembangunan lapangan dipenuhi dan dikekalkan sepanjang masa.

3.9 Pemeriksaan Ulangan

Pemeriksaan susulan yang dijalankan oleh pegawai pemeriksa bagi membuktikan dan menilai tindakan pembetulan dan penambahbaikan dilaksanakan dengan sempurna, jika perlu.

3.10 Penvaksinasi

Proses memberi vaksin kepada unggas sebagai langkah mencegah sesuatu penyakit.

3.11 Penyakit Wajib Laporkan

Senarai penyakit yang telah diwartakan dalam Akta Binatang 1953, P.U (B) 44 Pengisytiharan Penyakit Binatang dan Burung.

3.12 Rekod Veterinar

Data atau maklumat berkaitan veterinar yang disimpan untuk rujukan.

3.13 Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT)

Program Kepastian Kualiti oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mengiktiraf ladang ternakan mematuhi syarat minima GAHP, biosekuriti, kawalan penyakit dan kawalan pencemaran alam sekitar.

3.14 Status Kepungan

Menyatakan penetapan status kepongungan tersebut berdasarkan kriteria yang ditetapkan JPV.

3.15 Survelan

Aktiviti pensampelan, pelaporan dan penganalisan yang sistematik bagi mengetahui status, taburan, corak dan tanda-tanda penyakit dalam populasi unggas.

3.16 Unggas

Termasuk ayam domestik, itik, angsa, ayam belanda, ayam kampung, puyuh, burung unta, burung walit, ayam mutiara, burung merpati dan semua jenis burung yang dipelihara pada semua peringkat umur dan jantina dan telurnya.

3.17 Vaksin

Merupakan bahan biologik yang diberi kepada unggas bagi meningkatkan imuniti terhadap sesuatu penyakit.

3.18 Veterinawan Bertauliah (VB)

Pengamal veterinar yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia dan dilantik oleh JPV bagi menjalankan tugas pemeriksaan bagi pihak JPV.

4.0 KATA SINGKATAN

- DVE – Duck Viral Enteritis
- DVH – Duck Viral Hepatitis
- ELISA – Enzyme-linked Immunosorbent Assay
- GAHP – Good Animal Health Practices
- HPAI – Highly Pathogenic Avian Influenza
- JPK – Jawatankuasa Pembangunan Kepungan
- JPV – Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- KKM – Kementerian Kesihatan Malaysia
- ND – New Castle's Disease
- SALT – Skim Amalan Ladang Ternakan
- SPS – Sanitary and Phytosanitary
- PCR – Polymerase Chain Reaction
- VB – Veterinawan Bertauliah

5.0 KELAYAKAN MEMOHON

- 5.1 Pihak ladang unggas yang berminat untuk menubuhkan kepungan perlu terdiri daripada ladang yang telah mendapat persijilan SALT.
- 5.2 Pemohon perlu mengenalpasti semua ladang/premis unggas lain di luar pagar sekeliling ladang sehingga 1 km radius.
- 5.3 Mempunyai Veterinawan Bertauliah (Ladang).

6.0 TANGGUNGJAWAB VETERINAWAN BERTAULIAH

6.1 Pemeriksaan Veterinar

Pemeriksaan veterinar perlu dijalankan oleh veterinawan bertauliah sekurang-kurangnya 4 kali setahun yang meliputi keadaan persekitaran dalam dan luar pagar sekeliling ladang sehingga 1km radius, biosekuriti, pengurusan sumber dan input ladang, pengurusan sanitasi dan sisa ladang dan kawalan penyakit.

6.2 Survelan dan Pensampelan

- 6.2.1 Survelan klinikal untuk penyakit Selsema Burung (HPAI) dan Penyakit Newcastle (ND) perlu dilakukan sekurang-kurangnya 4 kali setahun pada semua ayam domestik dan populasi burung liar, dengan keputusan negatif meliputi keadaan persekitaran dari dalam dan luar pagar sekeliling ladang sehingga 1km radius.
- 6.2.2 Disamping dengan HPAI dan ND, ladang itik juga perlu jalankan survelan untuk penyakit Duck Viral Enteritis (DVE) dan Duck Viral Hepatitis (DVH) dengan keputusan negatif meliputi keadaan persekitaran dari dalam dan luar pagar perimeter ladang sehingga 1km radius.
- 6.2.3 Survelan klinikal juga perlu dijalankan ke atas penyakit wajib lapor yang lain seperti yang diarahkan oleh JPV.
- 6.2.4 Pensampelan (darah dan calitan kloaka) untuk ujian saringan penyakit perlu diambil **setahun** sekali. Sila berhubung dengan pihak JPV Negeri untuk mengenalpasti bilangan sampel yang perlu diambil.
- 6.2.5 Semua ujian makmal perlu dijalankan di makmal yang diiktiraf oleh JPV.

6.3 Pemvaksinan

- 6.3.1 Kepungan unggas perlu disahkan bebas oleh JPV dari penyakit berikut :
 - i. HPAI tanpa pemvaksinan.
 - ii. ND dengan pemvaksinan.

- 6.3.2 Kepungan unggas itik perlu juga disahkan bebas oleh JPV dari penyakit DVE dan DVH dengan atau tanpa pemvaksinan.
- 6.3.3 Semua ayam termasuk ayam kampung dalam kepungan perlu diberi vaksin penyakit ND dan/atau penyakit lain seperti yang diarahkan oleh JPV. Semua program pemvaksinan perlu direkodkan dan hanya vaksin yang dibenarkan oleh JPV sahaja boleh digunakan.
- 6.3.4 Penggunaan anti-mikrob perlu disahkan oleh pegawai veterinar di ladang seperti yang diarahkan oleh JPV.

6.4 Pemeriksaan Post Mortem

- 6.4.1 Unggas yang mati dalam kepungan perlu dijalankan pemeriksaan post-mortem dan disiasat untuk penyakit. Pelupusan bangkai unggas tersebut perlu dijalankan dengan segera samada ditanam atau dibakar.
- 6.4.2 Spesimen perlu dihantar di makmal yang diiktiraf oleh JPV untuk diagnosis, jika perlu.

6.5 Profil Kelompok

- 6.5.1 Profil kelompok (flock profiling) dalam kepungan perlu dinilai sekurang-kurangnya setahun sekali untuk menentukan keberkesanan program pemvaksinan.

6.6 Pemindahan Unggas

- 6.6.1 Unggas yang dimasukkan ke dalam kepungan perlu disahkan bebas dari penyakit oleh JPV.
- 6.6.2 Pengimportan unggas dari negara lain perlu mengikut protokol terkini yang diluluskan oleh JPV.

6.6.3 Sistem daya jejak pemindahan ternakan perlu diawasi oleh JPV seperti berikut:

- (i) Pengangkutan ternakan ke loji pemprosesan.
- (ii) Pengangkutan pemakanan ternakan dari loji pemakanan ternakan.

6.6.4 Kebajikan haiwan dalam ladang dan semasa pengangkutan ternakan ke loji pemprosesan perlu dijaga.

6.7 Rekod

6.7.1 Rekod disimpan untuk pemeriksaan oleh pihak berkuasa JPV Negeri. Rekod perlu mudah dicatat, dibaca, dianalisa dan difahami.

(i) Rekod Kesihatan

- Kelompok - Rekod kematian ternakan
- Rekod pemeriksaan klinikal
 - Rekod post-mortem dan makmal
 - Rekod profil kelompok
 - Rekod surveilan penyakit
 - Rekod pemvaksinan dan ubatan

(ii) Rekod penghantaran ternakan ke loji pemprosesan

(iii) Dokumen lain - Pelan kesiapsagaan ladang untuk penyakit

- Program surveilan penyakit tahunan
- Prosidur laporan penyakit kepada JPV
- Program latihan pekerja ladang tahunan

7.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 7.1 Pemohon baru perlu mengisi borang permohonan (Lampiran 1) dan disertakan dengan dokumen ladang yang berkaitan termasuk sijil SALT yang sah.
- 7.2 Permohonan tersebut perlulah dikemukakan ke Bahagian Regulatori, JPV Negeri yang akan menghantar satu salinan permohonan tersebut kepada Urusetia Jawatankuasa Pembangunan Kepungan (JPK) di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.

8.0 PENDAFTARAN KEPUNGAN

- 8.1 Urusetia JPK akan menyemak permohonan.
- 8.2 Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses dan didaftarkan.
- 8.3 Jika lengkap, Urusetia JPK akan melantik pegawai pemeriksa untuk menjalankan pemeriksaan keakuran keatas kepungan tersebut.

9.0 TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN REGULATORI JPV NEGERI

9.1 Pemeriksaan keakuran dan pemeriksaan ulangan

- 9.1.1 Menjalankan pemeriksaan keakuran dan pemeriksaan ulangan (jika perlu) ke atas kepungan yang didaftar mengikut senarai semak (Lampiran 2).
- 9.1.2 Menyediakan laporan pemeriksaan keakuran dan pemeriksaan ulangan mengikut format (Lampiran 4) dan menghantar salinan laporan tersebut kepada Urusetia JPK.

- 9.1.3 Membentangkan laporan keakuran dalam Mesyuarat JPK di Ibu Pejabat Perkhidmatan nanti.

9.2 Pemeriksaan Semula

- 9.2.1 Menjalankan pemeriksaan semula ke atas kepungan yang telah diiktiraf sekurang - kurangnya sekali setahun mengikut senarai semak (Lampiran 2).
- 9.2.2 Menyediakan laporan pemeriksaan semula mengikut format (Lampiran 3) dan menghantar salinan laporan tersebut kepada Urusetia JPK.

9.3 Rekod Veterinar

- 9.3.1 Menyemak rekod veterinar di kepungan.
- 9.3.2 Merekodkan aktiviti pemeriksaan dalam log pemeriksa (Lampiran 4) di lapangan dan menghantar satu salinan log pemeriksa kepada Urusetia JPK di Ibu Pejabat.

10.0 PEMERIKSAAN DAN LAPORAN KEPUNGAN

- 10.1 Pemeriksaan keakuran akan dijalankan oleh Pegawai Pemeriksa yang dilatih.
- 10.2 Pemeriksaan ulangan akan dijalankan jika terdapat kekurangan atau kelemahan yang perlu diperbaiki semasa pemeriksaan keakuran dijalankan. Pemohon hendaklah mendapatkan khidmat nasihat untuk penambahbaikan hasil pemeriksaan keakuran.
- 10.3 Hasil pemeriksaan dan laporan penilaian akan disediakan oleh pegawai pemeriksa yang berkenaan dan akan dibentangkan kepada JPK di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.

- 10.4 Urusetia JPK akan memaklumkan keputusan penubuhan kepongangan dalam Mesyuarat Pengiktirafan Ladang SALT yang akan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar.

- 10.5 Bagi ladang yang berjaya memenuhi semua syarat dan kriteria pembangunan kepongangan, pemeriksaan semula kepongangan akan dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun oleh pegawai pemeriksa yang dilantik dan perlu memastikan semua kriteria dan syarat pembangunan kepongangan dan ladang SALT dipenuhi dan dikekalkan sepanjang masa.

- 10.6 Pemantauan akan dijalankan bila-bila masa melalui penyelarasan Urusetia JPK di Ibu Pejabat.

11.0 PENGIKTIRAFAN KEPUNGAN

- 11.1 Pengiktirafan kepongangan akan dimaklumkan oleh Urusetia Pengiktirafan Ladang SALT melalui surat pemberitahuan kelulusan

12.0 PEMBATALAN KEPUNGAN

- 12.1 Ladang yang ditutup dan tidak beroperasi.
- 12.2 Penarikan sijil SALT.
- 12.3 Tidak memperbaharui sijil SALT.
- 12.4 Melanggar syarat dan kriteria SPS yang ditetapkan oleh JPV.
- 12.5 Gagal akur kepada teguran untuk dua kali.

Senarai Rujukan

1. Akta Binatang, 1953.
2. OIE Manual of Diagnostic Tests and Vaccines for Terrestrial Animals. Chapter 2.6.7.5.
3. OIE Chapter 1.3.5. Zoning and Compartmentalisation.
4. Protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian Malaysia, 2003.
5. The Director General Report faxed to OIE on the 6th August, 2004. Suspect Avian Influenza virus Infection in Malaysia.

CARTA ALIRAN PENGIKTIRAFAN KEPUNGAN UNGGAS

TANGGUNGJAWAB


AKTIVITI

Penternak




Kemukakan permohonan

Bahagian Regulatori JPV Negeri




Terima dan menghantar permohonan kepada Urusetia JPK di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya

Urusetia JPK




Menyemak permohonan



Urusetia JPK


Melantik pegawai pemeriksa

Pegawai Pemeriksa




Menjalankan pemeriksaan keakuran

Pegawai Pemeriksa




Sediakan laporan dan menghantar kepada Urusetia JPK

Urusetia JPK




Menilai laporan

Pegawai Pemeriksa




Membenteng laporan keakuran dalam Mesyuarat JPK


JPK



Membuat penilaian



Ketua Pengarah



Surat perakuan kepunan



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA



KEPUNGAN LADANG UNGGAS
 (untuk diisi oleh Pegawai Veterinar di Ladang)

1. BUTIR PEMILIKAN LADANG

	Syarikat	Ladang
Kod ladang		
No. SALT		
Nama		
Alamat		
Poskod		
Bandar		
Negeri		
No. Telefon		
No. Faks		
E-mail		
Bacaan GPS		
Keluasan ladang		
Nama untuk dihubungi		

2. JENIS UNGGAS

Sila tandakan (√)

Ayam	
Itik	
Puyuh	
Burung Wallit	
Lain-lain (Nyatakan)	

3. JENIS OPERASI

Sila tandakan (√)

Pedaging	
Penelur	
Pembiakbaka Pedaging/ Penelur	

4. SUMBER DOC/DOD

Nama Ladang	Alamat Ladang

5. LADANG LAIN DALAM KEPUNGAN

Jenis unggas	Jumlah Ladang	Anggaran populasi unggas

.....
Tandatangan Pemohon

Nama :
No. K/P :
Tarikh :
Cop syarikat :

Disemak dan disokong oleh,

.....
(T/Tangan Veterinawan Bertauliah Ladang)

Nama :
No. PAT :
Tarikh :
Cop rasmi :

Nota :

Sila lampirkan dokumen berikut :

Bil.	Lampiran	Tandakan (√)
1	Sijil SALT terkini	
2	Pelan Susunatur Ladang dan 1km radius dari pagar keliling ladang	
3	Rekod Kesihatan Kelompok unggas dalam kawasan 1km radius dari pagar keliling ladang	
	i. Rekod kematian ternakan	
	ii. Rekod pemeriksaan klinikal	
	iii. Rekod post-mortem dan makmal	
	iv. Rekod profil kelompok	
	v. Rekod surveilan penyakit	
	vi. Rekod pemvaksinan dan ubatan	
4	Dokumen-dokumen lain	
	i. Pelan kesiapsagaan ladang untuk penyakit	
	ii. Program surveilan penyakit tahunan 1km radius dari pagar keliling ladang	
	iii. Prosedur laporan penyakit kepada JPV Negeri	
	iv. Program latihan pekerja ladang tahunan	

Senarai Semak Kepungan Unggas

Bil	Perkara	Ya	Tidak
1	Sijil SALT yang sah.		
2	Lingkungan Kepungan – 1 km radius dari pagar sekeliling pagar ladang. (Sila berikan pelan susunatur ladang dan kawasan 1km radius dari pagar keliling ladang).		
3	Pemeriksaan Veterinar dalam kepungan secara am - dijalankan oleh veterinar bertauliah sekurang - kurangnya 3 bulan sekali.		
4	Latihan biosekuriti pekerja ladang sekurang - kurangnya sekali setahun.		
5	Status penyakit (rujuk kepada rekod ladang) <ul style="list-style-type: none"> i. Ladang ayam – bebas HP AI & ND ii. Ladang itik – bebas HP AI, ND, DVE & DVH 		
6	Pemeriksaan Post-Mortem dijalankan oleh veterinar bertauliah ke atas kes ternakan yang mati kerana disyaki penyakit .		
7	Sampel kes kematian yang berpenyakit ada dihantar ke makmal diagnosis (jabatan /swasta).		
8	Pemvaksinan untuk ND.		
9	Profil kelompok untuk vaksin ND dan penyakit lain jika ada.		
10	Survelan untuk penyakit <ul style="list-style-type: none"> i. Kes klinikal – 3 bulan sekali ii. Pasif survelan untuk HP AI & ND – sampel darah/ calitan kloka dihantar ke makmal sekali setahun. iii. Untuk ladang itik, pasif survelan untuk HP AI, ND, DVE dan DVH. 		
11	Permindahan haiwan <ul style="list-style-type: none"> i. Hanya unggas yang bebas penyakit di benarkan masuk ladang. ii. Sistem daya jejak untuk pengangkutan unggas ke loji pemprosesan. 		
12	<ul style="list-style-type: none"> a. Rekod Kesihatan Kelompok untuk kepungan <ul style="list-style-type: none"> i. Rekod kematian ternakan ii. Rekod pemeriksaan klinikal iii. Rekod post-mortem dan makmal iv. Rekod profil kelompok v. Rekod survelan penyakit vi. Rekod pemvaksinan dan ubatan b. Dokumen lain <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan kesiapsagaan ladang untuk penyakit ii. Program survelans penyakit tahunan iii. Prosidur laporan penyakit kepada JPV iv. Program latihan pekerja ladang tahunan 		

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN KEPUNGAN UNGGAS

1. Pengenalan



Nama Kepungan: _____

Tarikh Audit: _____



Latarbelakang Kepungan (dimana perlu)

- Jenis ternakan
 - Jumlah pengeluaran
-
2. Hasil Pemeriksaan
- Tarikh pemeriksaan terdahulu (bagi audit keakuran) – penerimaan baru jika berkaitan
 - Tarikh pemeriksaan terakhir (bagi audit semula)
 - Kedudukan establismen (contoh; pertukaran pengurusan, pertambahan skop pengeluaran, kerja baik pulih dan dll.)
 - Premis
 - Dokumentasi
 - Verifikasi Rekod
-
3. Ketidakakuran (jika ada)
(Sila lampirkan laporan ketidakakuran)
4. Cadangan
5. Rumusan

Nota: Sila rujuk senarai semak kepungan yang digunakan.

	PEMERIKSAAN KEAKURAN DAN PEMERIKSAAN ULANGAN KEPUNGAN UNGGAS JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA	
LAPORAN KETIDAKAKURAN DAN CADANGAN		Pemeriksaan:
Rujukan:	Tarikh :	1. Keakuran i. Lapangan <input type="checkbox"/> ii. Dokumen <input type="checkbox"/> 2. Ulangan <input type="checkbox"/> 3. Semula <input type="checkbox"/>
Nama Pemeriksa Keakuran:		
Nama Kepungan diperiksa:	No. Est./No. Daftar (dimana berkaitan):	
Tarikh Pemeriksaan:		
Bil.	Ketidakakuran / Pemerhatian	Kegunaan Pejabat
Tandatangan wakil Kepungan : Nama: Jawatan: Tarikh :	Tandatangan Pemeriksa: Nama: Jawatan: Tarikh :	
Bil.	Ketidakakuran / Pemerhatian	Kegunaan Pejabat
Tandatangan Wakil Kepungan : Nama: Jawatan: Tarikh :	Tandatangan Pemeriksa: Nama: Jawatan: Tarikh :	

Nota: Sila rujuk senarai semak kepongangan yang digunakan.

	PEMERIKSAAN KEAKURAN DAN PEMERIKSAAN ULANGAN KEPUNGAN UNGGAS JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA	
LAPORAN KETIDAKAKURAN DAN CADANGAN		Pemeriksaan:
Rujukan:	Tarikh :	1. Keakuran i. Lapangan <input type="checkbox"/> ii. Dokumen <input type="checkbox"/> 2. Ulangan <input type="checkbox"/> 3. Semula <input type="checkbox"/>
Nama Pemeriksa Keakuran:		
Nama Kepungan diperiksa:	No. Est./No. Daftar (dimana berkaitan):	
Tarikh Pemeriksaan:		
Bil.	Ketidakakuran / Pemerhatian	Kegunaan Pejabat
Tandatangan wakil Kepungan : Nama: Jawatan: Tarikh :		Tandatangan Pemeriksa: Nama: Jawatan: Tarikh :
Bil.	Ketidakakuran / Pemerhatian	Kegunaan Pejabat
Tandatangan Wakil Kepungan : Nama: Jawatan: Tarikh :		Tandatangan Pemeriksa: Nama: Jawatan: Tarikh :

Nama Est. :

No. Est. :

Alamat Est. :

LOG PEMERIKSAAN KEPUNGAN UNGGAS**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR****MALAYSIA**

Tarikh / Hari	Nama Pemeriksa	Tujuan Pemeriksaan	Catatan	T/tangan & Cop Ladang	T/tangan & Cop Pemeriksa

PROSEDUR PENYEDIAAN ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

DERAF	LANGKAH	AKTIVITI
1	1	JPV memutuskan aliran kerja yang perlu disediakan arahan prosedur tetap rasmi.
	2	Melantik pasukan penderaf
	3	Deraf pertama (1) diedar untuk ulasan Ketua Seksyen berkaitan. Setelah suntingan, deraf kedua (2) dikeluarkan.
2	4	Deraf kedua (2) diedarkan untuk ulasan kepada Pengarah Bahagian, pakar, mereka yang kanan dan berpengalaman. Setelah suntingan, deraf ketiga (3) dikeluarkan.
3	5	Deraf ketiga (3) diedarkan untuk ulasan berkaitan dasar JPV oleh Ketua Pengarah (KP) dan Timbalan Ketua Pengarah [(TKP(KV) dan TKP(P)]. Setelah suntingan, deraf keempat (4) dikeluarkan.
4	6	Deraf keempat (4) diedarkan untuk ulasan kepada Pengarah JPV Negeri. Setelah suntingan, deraf kelima (5) atau akhir dikeluarkan.
5 (akhir)	7	Ketua Pengarah memberi arahan untuk menerima pakai dokumen tersebut sebagai arahan prosedur tetap rasmi.

Penghargaan

Y.H Dato' Dr Mohamad Azmie bin Zakaria (Pengerusi)	Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS
Dr. P. Loganathan	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr. Jasbir Singh	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr. Zarina bt Mohamed	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr. Salina bt Amad Bugis	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr. Dayang Salwani bt Awang Masherri	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
En. Husni Panjang	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr. Gulam Shah bin Faizal Din	Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
Dr. Asiah Naina bt Mohd Alm	Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
Dr. Norhaliza bt Abdul Halim	Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
Dr. Razak bin Zailan	Pengarah JPV Negeri Kedah
En. Ab. Jalil bin Ibrahim	Bahagian Perancang

JAWATANKUASA PENYEDIAAN ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR

Pihak yang terlibat dalam penyediaan Arahan Prosidur Tetap Veterinar ini terdiri daripada:

- o Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, JPVM
- o Bahagian Perancang, JPVM
- o Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, JPVM
- o Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, JPVM
- o Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, JPVM
- o Bahagian Pembangunan Industri Hiliran, JPVM
- o Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, JPVN

No. Penjilidan: APTVM (19b2: 2009)

Kata kunci; Kepungan Unggas

Copyright 2009

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR